

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Datuk Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh  
[ Sabak Bernam ]**

**TARIKH : 24 november 2016**

**SOALAN : Datuk Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh  
minta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan  
langkah Kementerian untuk meningkatkan  
hasil dan mutu pengeluaran padi khususnya  
di kawasan Parlimen Sabak Bernam dan  
nyatakan langkah Kementerian bagi  
mengurangkan kos penanaman dan  
pengeluaran padi supaya tidak  
membebankan petani.**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini pengeluaran padi dalam negara adalah 71.4%. Kementerian sentiasa berusaha mencari kaedah untuk meningkatkan hasil dan mutu pengeluaran padi dan ianya tidak hanya tertumpu kepada kawasan Parlimen Sabak Bernam malah meliputi seluruh negara. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:-

- (i) pengurusan secara berpusat di bawah NKEA (EPP11);
- (ii) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran;
- (iii) penggunaan varieti baru dan benih padi sah;
- (iv) pengamalan teknologi pertanian tepat;
- (v) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi;
- (vi) Pengenalan kepada varieti benih baru seperti MARDI 824 DAN MARDI Siraj 297; dan
- (vii) membuka kawasan jelapang padi baru di **Pekan, Rompin, Kota Belud dan Batang Lupar** dengan tambahan jumlah keluasan kawasan seluas 25,905 hektar

Program subsidi merupakan komponen penting dalam usaha membantu dan mengurangkan kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh pesawah. Pada tahun 2016 Kerajaan telah memperuntukkan RM1.7 billion subsidi dan insentif seperti berikut:-

**PERUNTUKAN BAGI SUBSIDI DAN INSENTIF DI BAWAH  
SUBSEKTOR PADI DAN BERAS BAGI TAHUN 2016**

<b>Bil</b>	<b>Subsidi/ Insentif</b>	<b>Peruntukan (RM juta)</b>
1	Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)	400
2	Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP)	500
3	Insentif Benih Padi Sah (IBPS)	50
4	Skim Subsidi Harga Padi (SSHP)	616
5	Skim Baja Racun Padi Bukit (SBRBP)	70
6	Insentif Input Pengeluaran Padi (IIPP)	112
<b>JUMLAH</b>		<b>1,748</b>